



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM PERKASA WANITA MELALUI LAMAN WANITA (LaWa) DAN PROGRAM WANITA BANGKIT@KPWKM

PULAU PINANG, 5 Mac – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyempurnakan lawatan turun padang ke Pulau Pinang yang merupakan lawatan sulung beliau ke negeri itu sejak dilantik sebagai Menteri KPWKM. Beliau memulakan lawatan ke Laman Wanita (LaWa) Tasek Gelugor dan seterusnya merasmikan Program Wanita Bangkit@KPWKM di AC Hotel Penang.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) seterusnya merasmikan kursus bimbingan perniagaan bagi program MyKasih Kapital yang merupakan sebuah inisiatif di bawah Program Wanita Bangkit@KPWKM. Program yang disertai **500 orang peserta** wanita itu merupakan usaha kementerian dalam membantu golongan wanita terutamanya yang hilang punca pendapatan, pencari nafkah utama dan ibu tunggal.

Objektif kementerian menerusi inisiatif MyKasih Kapital adalah untuk memperkasa ekonomi kumpulan sasar dan meningkatkan taraf hidup golongan wanita yang memerlukan bantuan segera kewangan melalui bantuan MyKasih Kapital. Pendekatan ini adalah untuk mengoptimum potensi individu berdasarkan kemahiran agar dapat menjana pendapatan melalui perniagaan yang mereka ceburi.

Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM telah membimbing dan membangunkan seramai **17,750 wanita** melalui kursus-kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi strategik pelbagai Jabatan, agensi dan syarikat korporat. Jelajah lawatan kerja YB Menteri diteruskan lagi ke Zon Utara dengan seramai **2,980 orang** peserta telah menghadiri kursus Program Wanita Bangkit@KPWKM sejak beliau menerajui KPWKM.

Kementerian komited untuk terus memartabatkan golongan wanita dalam aspek sosio-ekonomi. Kerajaan yakin dengan adanya inisiatif ini, golongan yang terjejas khususnya wanita dapat dibantu untuk meningkatkan ekonomi diri, keluarga juga negara selaras dengan prinsip Malaysia Madani iaitu menekankan kepada pemerksaan ekonomi dan budaya.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

5 Mac 2023

NOTA TAMBAHAN LaWa

1. LaWa yang diselaja oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) merupakan pusat aktiviti setempat yang menawarkan pelbagai program atau aktiviti pemerksaan wanita melalui aspek peningkatan kemahiran asas. LaWa juga memberi pendedahan kepada ilmu psiko pendidikan yang merupakan elemen penting dalam sudut pembangunan kapasiti wanita dan pengukuhan kesejahteraan wanita. Secara keseluruhan, terdapat 14 buah LaWa di tujuh (7) negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan serta Wilayah Persekutuan Labuan. Secara khususnya di Pulau Pinang, terdapat lima (5) buah LaWa iaitu di Bukit Bendera, Bukit Mertajam, Kepala Batas, Tasek Gelugor dan Nibong Tebal.
2. Program atau aktiviti yang dilaksanakan di LaWa dapat mengenal pasti bakat dan potensi yang boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. LaWa juga berperanan sebagai pusat setempat yang membolehkan wanita mewujudkan jaringan sosial dan pusat maklumat asas mengenai pelbagai isu wanita. Menariknya kesemua program atau aktiviti ini menyokong aspirasi pemerksaan wanita merangkumi aspek ekonomi, kesejahteraan, keselamatan serta kepimpinan wanita yang diberi perhatian serius oleh Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-12.
3. Bagi tahun **2022 sehingga Februari 2023, sebanyak 212 program** telah dianjurkan di LaWa dan mendapat sambutan yang sangat baik daripada komuniti yang turut terdiri daripada ibu tunggal serta suri rumah. Antara program yang telah dianjurkan termasuk program kemahiran jahitan dan industri makanan seperti produk pastri, biskut, kuih tradisional yang membantu peserta menjana pendapatan.

NOTA TAMBAHAN MYKASIH KAPITAL

1. Kursus bimbingan ini adalah persediaan asas bagi golongan untuk mempersiapkan diri bagi mereka menceburi bidang keusahawanan dan memulakan perniagaan e-dagang, *dropship*, perniagaan kecil-kecilan yang bukan di bawah skim keusahawanan yang ditawarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Peserta MyKasih Kapital akan dinilai, dipantau dan akan mengikuti kursus-kursus bersesuaian bagi mempersiapkan diri dalam menceburi bidang perniagaan.

